

Istilah-istilah dalam Ilmu Falak Syarie

Falak :Perkataan falak di dalam bahasa Arab daripada (فَلَك افْلَك) yang bermakna peredaran objek samawi .Ilmu falak adalah ilmu yang membicarakan tentang peredaran objek samawi dan hal ehwalnya (Muhammad Zakuwa bin Hj. Rodzali, 2002 : 2).

Manakala perkataan ilmu falak dalam bahasa Inggeris pula disebut "astronomy" yang berasal dari astronomous (dalam bahasa Latin). Perkataan astro (dalam bahasa Yunani) membawa erti perkara yang berkaitan dengan bintang). Dalam Islam, ilmu ini juga dikenali dengan ilmu 'falak', ilmu 'Miqat', ilmu 'Hisab' (Muhammad Yasin Isa, t.th: 4).Ilmu falak merupakan salah satu bidang ilmu sains tabi'i yang mengkaji tentang perjalanan badan-badan cakerawala seperti bumi, bulan, matahari dan bintang-bintang. Perkataan cakerawala berasal dari bahasa Sanskrit yang membawa maksud sesuatu badan yang berputar. Manakala perkataan falak berasal dari bahasa Sumerian iaitu pilak yang bermaksud sesuatu yang berputar (Encyclopedia of Islam,1983: 78).

Dalam bahasa Latin pula, ilmu falak ialah astronomi yang bererti ilmu mengenai bintang. Definisi yang lebih jelas tentang ilmu ini dinyatakan oleh Hartman sebagai sains yang mengkaji objek-objek di angkasa (Hartman William, 2002: 2).